

UM 17, JAN 2002

Lokasi ammonium nitrat didakwa disembunyi di Malaysia belum dapat dikesan

SERDANG 16 Jan. — Polis belum dapat mengesan lokasi empat tan ammonium nitrat yang didakwa disembunyikan di Malaysia kerana tidak mendapat maklumat lengkap.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ada kemungkinan orang yang ditahan oleh pihak berkuasa Singapura itu sengaja membuat kenyataan yang tidak begitu tepat.

Menurutnya, pihak polis telah cuba mendapatkan maklumat mengenai dakwaan itu tetapi tidak cukup untuk membolehkan lokasi bahan tersebut dikenal pasti.

“Kadang-kadang, orang yang kena tangkap membuat kenyataan yang tidak begitu tepat. Kita kena siasat,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Ramah Mesra Bersama Perdana Menteri di Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai dakwaan terdapat empat tan bahan kimia itu yang disimpan oleh seorang ahli Jemaah Islamiah (JI) yang telah ditangkap oleh pihak berkuasa Singapura, Faiz Abu Bakar Bafana bulan lalu.

Faiz adalah antara 15 anggota (JI) yang ditangkap oleh kerajaan Singapura kerana disyaki penganas.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, siasatan menyeluruh sedang dijalankan untuk mengetahui di mana empat tan ammonium nitrat itu disimpan.

Bagaimanapun katanya, polis per-

caya bahan tersebut yang disembunyikan di negara ini sebelum ini telah pun dibawa keluar. “Kita tidak tahu sekarang ia berada di mana,” kata Abdullah yang juga menteri Dalam Negeri.

Sebelum ini, kerajaan Singapura mendedahkan mengenai kegiatan JI yang cuba mendapatkan 21 tan bahan kimia untuk membuat born trak.

Anggota kumpulan itu diminta mendapatkan 17 tan lagi ammonium nitrat kerana mereka sudah mempunyai empat tan bahan itu yang dikatakan disimpan di Malaysia.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kumpulan militan KMM tidak boleh dikaitkan dengan rangkaian kumpulan Al-Qaeda hanya kerana mereka dilatih di tempat yang sama dan oleh orang yang sama.

Katanya, kedua-dua kumpulan itu sebenarnya adalah kumpulan yang berbeza, yang beroperasi secara berasingan dan mempunyai matlamat dan sasaran yang berbeza.

“Saya difahamkan bahawa mereka dilatih oleh orang yang sama atau lebih tepat di Afghanistan oleh Taliban &ma seperti Al-Qaeda.

“Anda mungkin melihat tempat latihan yang sama sebagai kaitan antara kumpulan tersebut tetapi orang ini beroperasi secara berasingan dan mempunyai matlamat dan sasaran yang berbeza,” katanya.

Mengenai keupayaan menangani masalah kumpulan militan, Dr. Mahathir berkata, Malaysia mempunyai banyak pengalaman berdepan dengan kumpulan penganas.